




# **PELAN STRATEGIK CIDB 2021-2025**

**CSP** CIDB  
STRATEGIC  
PLAN  
**2021-2025**



# ISI KANDUNGAN

<i>Prakata daripada Ketua Eksekutif</i>	<b>2</b>
<i>Perjalanan strategi CIDB</i>	<b>3</b>
<i>Mukadimah kepada CSP 2021-2025</i>	<b>4</b>
<i>Gambaran masa kini</i>	<b>6</b>
<i>Analisis Situasi</i>	<b>7</b>
<i>Gambaran masa hadapan</i>	<b>14</b>
<i>Misi dan Visi</i>	<b>15</b>
<i>Matlamat Jangka Panjang CSP</i>	<b>16</b>
<i>Tonggak Strategi</i>	<b>17</b>
<i>Nilai-Nilai Teras</i>	<b>19</b>
<i>Halatuju CSP</i>	<b>20</b>
<i>Peta Strategi 2021-2025</i>	<b>23</b>
<i>Rumusan Balanced Scorecard 2021</i>	<b>25</b>
<i>Objektif &amp; Inisiatif Strategik</i>	<b>26</b>
<i>Tadbir Urus CSP</i>	<b>36</b>
<i>Penutup</i>	<b>37</b>
<i>Definisi Objektif Strategik</i>	<b>38</b>
<i>Glosari &amp; Akronim</i>	<b>44</b>



# PRAKATA DARIPADA KETUA EKSEKUTIF



*"Nothing can dim the light which shines from within."*

- MAYA ANGELOU

Assalamu'alaikum dan Salam Sejahtera,

- Jika saya ditanya adakah CIDB berkeupayaan menjadi peneraju industri pembinaan, saya dengan suara hati yang kuat dan tanpa ragu-ragu akan mengatakan "Sudah pasti!" Saya katakan demikian kerana saya tahu, kekuatan CIDB sebenarnya ada di dalam setiap diri kita sebagai pendokong organisasi ini. Kekuatan itulah jua yang ingin kita gembeling dengan bersungguh-sungguh serta penuh iltizam.

Pelan Strategik CIDB (CSP) ini adalah manualnya. Ia menggariskan halatuju dan inisiatif-inisiatif yang perlu dilaksanakan oleh CIDB untuk menjadi peneraju yang berkesan dalam 5 tahun akan datang. Pelaksanaannya bakal melibatkan semua pegawai CIDB di semua peringkat. Pelan Strategik ini adalah hak milik kita bersama. Setiap warga CIDB perlu memberi perhatian yang serius terhadap 4 tonggak strategik iaitu tonggak inovasi (innovation), tonggak penyampaian penyelesaian (Solutioning), tonggak Pengurusan Perhubungan (Relationship Management) dan tonggak kepimpinan (Leadership).

Mulai sekarang kita juga perlu membudayakan 4 nilai teras CIDB yang baharu iaitu keterbukaan dan saling menghormati (Openness and Respect), berpacukan inovasi (Innovation Driven), memimpin dengan penuh kesedaran (Lead with Conscience) dan berfokuskan impak (Impact Focused). CIDB akan kekal relevan seandainya setiap kita berpegang kepada formula 4 + 4 yang disebutkan di atas.

Saya merakamkan jutaan terima kasih kepada semua warga CIDB yang terlibat di dalam pembangunan CSP ini. Saya yakin CSP ini mampu menjadi jambatan kukuh, yang bukan sahaja mengeratkan semangat sepasukan di dalam CDB, malah ia juga dapat mengukuhkan hubungan dan kolaborasi diantara CIDB dan semua pihak berkepentingan di semua peringkat iaitu kerajaan, penggiat industri dan masyarakat keseluruhannya.


Datuk Dr. Ahmad Asri Abdul Hamid

# PERJALANAN STRATEGI CIDB



## CONSTRUCTION INDUSTRY MASTER PLAN 2006-2015

Pelan 10 tahun dengan 7 Teras Strategik beserta 3 cadangan pemboleh



## CIDB BALANCED SCORECARD

- Peta Strategi 2013-2015
- 2 Tahap dan Balanced Scorecard: Korporat & semua Bahagian

## CONSTRUCTION INDUSTRY TRANSFORMATION PROGRAMME 2016-2020

- Program 5 tahun untuk mentransformasi industri pembinaan Malaysia
- Dirangkumkan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11
- Melibatkan agensi Kerajaan lain sebagai pelaksana
- Mengandungi 4 Teras Strategik



## KECEMERLANGAN ORGANISASI (OE) CIDB 2017-2020

CITP + OE = 6 Teras Strategik untuk Rangka kerja Pengurusan Strategi CIDB

### SEMAKAN CITP + OE 2017-2020



- Buku Panduan Pelaksanaan Strategi & Pengurusan Prestasi (menggunakan angka kerja SFO)
- Semakan separuh penggal CITP 2018

## PELAN STRATEGIK CIDB 2021 - 2025

- Visi, Misi dan Nilai-Nilai Teras dikemaskini
- 4 Tonggak Strategi
- 3 Tahap Balanced Scorecard lengkap dengan Profil BSC

### CSP 2021 - 2025



- Pelan Strategik ICT CIDB (ISP) 2020-2025
- Pelan Strategik Construction 4.0 2021-2025 untuk industri



Perjalanan strategi CIDB telah bermula seawal 2006 dengan pelaksanaan Construction Industry Master Plan (CIMP). CIMP merupakan rancangan 10 tahun yang dirangka untuk memotivasi, memacu dan mengubah minda industri pembinaan agar lebih berdaya tahan dan mantap dalam menghadapi era globalisasi. Sebagai penggerak utama industri, CIDB melalui CIMP telah memulai langkah pelaksanaan Balanced Scorecard pertamanya untuk menjadi sebuah organisasi yang berfokuskan strategi.

Pada tahun 2016, Construction Industry Transformation Programme (CITP) telah dilancarkan sebagai agenda nasional Malaysia untuk mentransformasi industri pembinaan untuk 5 tahun akan datang melalui empat teras strategik: Kualiti, Keselamatan dan Profesionalisme; Kemampanan Alam Sekitar; Produktiviti; dan Pengantarabangsaan. CITP kemudiannya dilengkapi dengan strategi untuk meningkatkan keupayaan dalaman CIDB melalui program Kecemerlangan Organisasi (OE) dan Pelan Strategik ICT CIDB (ISP) 2020-2025.

Dengan munculnya IR4.0, CIDB sekali lagi telah diberi kepercayaan untuk membangunkan halatuju industri peringkat nasional berkenaan teknologi digital, iaitu Pelan Strategik Construction 4.0 2021-2025.

Sebagai usaha untuk menanggani cabaran baharu dan keperluan yang semakin meningkat dari pelbagai pihak, CIDB memerlukan sebuah rangka kerja yang membolehkan ia melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya secara holistik dengan cemerlang di masa hadapan. CIDB juga perlu membuat satu anjakan paradigma agar dapat memberikan perkhidmatan yang berimpak tinggi kepada pihak berkepentingan, justeru terhasillah Pelan Strategik CIDB (CSP 2021-2025).

# MUKADIMAH


## KEPADA CSP 2021-2025

Merangka strategi masa hadapan organisasi sentiasa menjadi satu cabaran. Sudah tentu ia harus mengambilkira keadaan masa hadapan yang bagaimana yang ingin kita capai.

Pembangunan Pelan Strategik CIDB (CSP) 2021-2025 perlu menangani persoalan asas ini. Halatuju perancangan CIDB sebelum ini telah dipengaruhi oleh Construction Industry Transformation Programme (CITP).

Namun, Malaysia telah mengalami banyak perubahan. Pandemik Covid-19 telah menimbulkan pelbagai persoalan mengenai kepentingan masa hadapan untuk industri pembinaan. Justeru, tuntutan masyarakat terhadap kesan pembangunan telah meningkat di mana perubahan iklim dan pembangunan yang mampan perlu dititik beratkan. Walaupun CITP telah berjaya mencapai kebanyakan objektifnya, masih banyak ruang yang perlu ditambahbaik.

Pelan Strategik CIDB 2021-2025 telah mengambilkira peranan CIDB dalam membentuk masa hadapan industri pembinaan yang lebih baik, dan bagaimana CIDB dapat meningkatkan kapasitinya sebagai penggerak utama ke arah matlamat tersebut.





# **DI MANA KITA SEKARANG**

*Gambaran Masa Kini  
Analisis Situasi*

# GAMBARAN MASA KINI



Apakah fokus segmen pembinaan semasa?

Sebahagian besarnya adalah segmen pembinaan bangunan

Bagaimana sasaran-sasaran utama dirangka?

Berdasarkan pelaksanaan 5 tahun CITP

## FASA PELAKSANAAN

## LOGIK EKONOMI

Apakah pembentukan nilai semasa CIDB?

Menyampaikan perkhidmatan latihan, pendaftaran dan pensijilan menggunakan hasil levi dan hasil berdasarkan yuran

## ARENA

## PEMBEZA

## KAEDAH PENYAMPAIAN

Bagaimana aktiviti pembentukan nilai dilaksanakan?

Penyampaian nilai secara dalaman dan melalui anak syarikat milik CIDB

Apa yang membezakan CIDB dari yang lain?

Memiliki punca kuasa melalui Akta 520

# **ANALISIS SITUASI CABARAN LUARAN**

## **1**

### **KEMAMPANAN DAN INISIATIF POLISI AWAM**

Industri pembinaan menggunakan banyak sumber yang tidak boleh diperbaharui dan aktivitinya telah banyak mengubah alam sekitar di mana kegagalan kita untuk melindunginya akan mengakibatkan generasi masa hadapan menderita.

**Dasar Pembinaan Negara (DPN)** telah memperluaskan aspirasi-aspirasi CITP. Antara isu penting dalam pembinaan mampan di DPN adalah penggunaan bahan binaan mampan dan pengurusan sisa.

**Pelan Induk Teknologi Hijau (GTMP)** menetapkan perkembangan teknologi tempatan sebagai fokus utama. Kemampuan bermula pada peringkat perancangan bandar.



## **2**

### **PERUBAHAN DEMOGRAFI**



Malaysia dijangka mempunyai populasi yang menua dan kadar pertumbuhan penduduk yang statik menjelang 2030. Kemungkinan besar akan berlaku penurunan permintaan perumahan dalam jangka panjang. Perancangan bandar harus memenuhi keperluan khusus komuniti persaraan. Reka bentuk jalan dan kemudahan awam perlu disesuaikan dengan perkembangan ini.

## **3**

### **PENGAJARAN DARI COVID-19**

Pandemik Covid-19 telah mendesak semakan semula peranan reka bentuk bangunan. Penggunaan bahan anti-mikroba dijangka akan menjadi lebih penting pada masa akan datang untuk membantu mencegah penyebaran jangkitan. Reka bentuk bangunan masa hadapan perlu mengambil kira pengudaraan dan aliran lalu lintas kaki yang baik serta penggunaan teknologi tanpa sentuhan. Masalah kesihatan dan kebersihan akan menjadi lebih penting dalam reka bentuk bangunan dan perancangan bandar. Perkembangan ini memerlukan pemikiran yang strategik dan penetapan standard baharu.



## **ANALISIS SITUASI**

# **CABARAN LUARAN**

## **4**

### **TEKNOLOGI BAHARU**



Teknologi merupakan asas kepada kebanyakan inisiatif untuk meningkatkan produktiviti industri pembinaan. Bagi industri pembinaan, inisiatif Construction 4.0 (CR4.0) mewakili penerapan prinsip IR4.0 untuk industri ini. Memandangkan prospek masa hadapan yang kurang menentu dan sifat industri yang berdasarkan projek berjangka masa pendek, banyak syarikat pembinaan yang kurang berminat untuk melabur dalam teknologi yang mahal. Walaupun CR4.0 menjanjikan banyak faedah, ada keperluan untuk mewujudkan teknologi yang lestari bagi menarik lebih banyak penyertaan.

## **5**

### **PERGANTUNGAN KEPADA BURUH ASING**

Pergantungan kepada buruh asing tidaklah unik bagi Malaysia. Kebergantungan ini belum menampakkan ianya akan berakhir dalam masa terdekat. Namun, lebih banyak yang harus dilakukan untuk meningkatkan penyertaan warga tempatan. Keselamatan dan kualiti kehidupan bekerja adalah isu-isu penting dalam menarik lebih ramai warga tempatan untuk bekerja di dalam industri pembinaan.



## **6**

### **HARAPAN ORANG AWAM**



Perumahan mampu milik dan pembinaan yang berkualiti adalah persoalan utama bagi rakyat Malaysia. Masyarakat mengharapkan industri pembinaan lebih bertanggungjawab dari segi sosial dan alam sekitar. Industri pembinaan memerlukan teknologi, produk dan penyelesaian baharu untuk memenuhi hasrat ini.

# **ANALISIS SITUASI CABARAN DALAMAN**

## **1**


### **KESINAMBUNGAN KEPIMPINAN**

Satu lagi kebimbangan adalah mengenai kesinambungan kepimpinan di mana ramai di kalangan pengurusan kanan CIDB menghampiri persaraan. Terdapat jurang yang besar di antara staf sedia ada dan mereka yang akan bersara dan ini harus diatasi untuk memastikan peralihan dan penggantian yang lancar.



## **2**

### **PERKHIDMATAN TERAS SEMASA**



Sebilangan perkhidmatan semasa perlu ditambahbaik. Data dalaman perlu disusun dan diselaraskan dengan lebih teratur untuk membolehkan keputusan dicapai dengan lebih efisyen. Kualiti dan keberkesanan program latihan perlu dipertingkatkan lagi bagi memastikan keperluan industri dapat dipenuhi dan industri meraih manfaat darinya.

## **3**

### **KOMPETENSI**

Kompetensi sedia ada CIDB adalah mencukupi untuk memainkan peranan semasa sebagai pemboleh bagi industri pembinaan. Namun, pandangan dari dalam dan luar percaya bahawa ini adalah kompetensi generik yang tiada pengkhususan bidang kepakaran. Terkait dengan ini aktiviti penyelidikan dan pembangunan CIDB kurang membawa kepada penciptaan teknologi baharu yang diperlukan oleh industri pembinaan.



# **ANALISIS SITUASI CABARAN DALAMAN**



## **4**

### **BUDAYA KERJA**

Komunikasi dalaman di CIDB lebih cenderung kepada komunikasi berbentuk arahan yang tidak memupuk keterbukaan dan ianya dipersulitkan lagi dengan pemikiran kerja secara silo. Terdapat warga CIDB yang membuat keputusan berdasarkan konteks tempatan dan keperluan peribadi mereka. Mereka tidak melihat adanya insentif untuk membuat perubahan bagi menyelesaikan masalah orang lain atas dasar tiadanya objektif bersama.

## **5**

### **PENGURUSAN PERHUBUNGAN**

Satu aspek yang perlu ditingkatkan oleh CIDB adalah pengurusan perhubungannya dengan pihak luar. Maklum balas yang diterima dari pihak luar menunjukkan bahawa mereka ingin melihat CIDB melibatkan mereka lebih kerap dalam pembangunan dasar dan program yang mempengaruhi industri pembinaan. Selain pemain industri pembinaan, pihak luar ini termasuk juga NGO-NGO, ahli-ahli akademik dan institusi-institusi penyelidikan.



## **6**

### **JAMINAN PEKERJAAN**

Majoriti tenaga kerja CIDB adalah staf kontrak di mana pelantikan ini tidak memberi jaminan terhadap kerjaya dan masa hadapan. Pergantungan kepada pegawai kontrak sebahagian besarnya disebabkan oleh polisi Kerajaan untuk menstabilkan saiz perkhidmatan awam. Jawatan yang diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam untuk CIDB adalah terhad justeru memerlukan CIDB bergantung kepada pelantikan secara kontrak. Walau bagaimanapun, terdapat persepsi bahawa perkhidmatan staf kontrak senang untuk ditamatkan dan ini semestinya akan mengurangkan motivasi dan komitmen.

## ANALISIS SITUASI

# ANALISIS SWOT



Sebagai kesimpulan kepada analisis situasi, Futures Triangle di bawah merangkumkan isu-isu yang mempengaruhi perancangan masa hadapan.




Melangkah ke hadapan, CIDB mensasarkan reputasi awam yang lebih baik.



Hasrat yang digambarkan di atas bermaksud CIDB perlu membuat anjakan bagaimana untuk mencipta nilai.

- CIDB perlu berinovasi untuk menyediakan penyelesaian bagi pihak berkepentingan
- Perkhidmatan yang ditawarkan oleh CIDB harus melebihi penawaran semasa sambil meningkatkan lagi perkhidmatan teras sedia ada
- Keupayaan dalaman CIDB harus dibangunkan untuk menyokong transformasi.





# **KE MANA KITA INGIN TUJU**



*Gambaran masa hadapan  
Visi & Misi  
Matlamat Jangka Panjang CSP  
Tonggak Strategik  
Nilai-Nilai Teras  
Halatuju CSP*

# TRANSFORMASI GAMBARAN MASA HADAPAN




Peningkatan inovasi yang berterusan untuk menangani masalah dan memenuhi keperluan pihak berkepentingan

# MISI DAN VISI

## VISI KAMI

*Menjadi pihak berkuasa yang menerajui penyediaan penyelesaian untuk membangunkan industri yang bertanggungjawab secara sosial dan mesra alam.*



## MISI KAMI

*Mengawal selia, membangun dan memudahcara industri pembinaan dengan menerapkan profesionalisme dan manfaatkan inovasi untuk menghasilkan persekitaran binaan yang berkualiti, produktif dan mampan.*



# MATLAMAT JANGKA PANJANG CSP



1

*Mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar hasil daripada industri pembinaan*

2

*Meningkatkan prestasi industri pembinaan*

3

*Menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk warga tempatan*



CIDB memerlukan kekuatan khusus, seperti yang ditunjukkan oleh 4 Tonggak Strategi yang dibina berdasarkan 3 lapisan asas untuk mencapai matlamat jangka panjang atau impak CSP 2021-2025.





### **Teras Inovasi**

Industri pembinaan masih memerlukan pelbagai penyelesaian terhadap cabaran baharu, bahkan cabaran semasa seperti penerapan IBS masih memerlukan penyelesaian yang lebih berkesan. Menangani cabaran ini memerlukan inovasi.



### **Teras Penyampaian Penyelesaian**

Potensi untuk membentuk nilai bagi pihak berkepentingan dalam industri pembinaan bergantung kepada keupayaan CIDB untuk menyelesaikan masalah secara komprehensif. Ini boleh dicapai melalui hubungan yang lebih akrab dan fleksibiliti untuk menyesuaikan perkhidmatan bagi memenuhi keperluan mereka. Kejayaan ini akan meningkatkan kedudukan serta reputasi CIDB.



### **Teras Pengurusan Perhubungan**

CIDB sebagai penyedia penyelesaian yang efektif perlu memahami masalah-masalah industri yang timbul dari pelbagai pihak berkepentingan. Selain dari syarikat-syarikat pembinaan, mereka juga termasuk orang awam, kumpulan pencinta alam sekitar, agensi Kerajaan dan para penyelidik. Pengurusan hubungan yang baik sangat mustahak dalam memastikan inovasi dan penyampaian penyelesaian yang dihasilkan oleh CIDB sesuai dengan kehendak pasaran.



### **Teras Kepimpinan**

Bagi merealisasikan matlamat CSP 2021-2025, transformasi akan memerlukan penjajaran semula dalaman dan pembangunan keupayaan baharu. Ini hanya boleh dicapai melalui kepimpinan yang aktif. Menerajui transformasi strategik adalah tanggungjawab pengurusan atasan CIDB. Sekiranya tonggak ini lemah, tonggak yang lain akan mudah runtuh.

## **Perkhidmatan Operasi**

- Matlamat CSP tidak bermaksud perkhidmatan dan aktiviti semasa menjadi kurang penting
- Ia terus diperlukan kerana mandat di bawah Akta 520
- Penambahbaikan dalam perkhidmatan ini wajar berterusan

## **Warga CIDB**

- Transformasi CSP akan memerlukan kompetensi baharu
- Warga CIDB harus lebih inovatif, cemerlang dalam pengurusan perhubungan, berfikiran maju, bertindak sebagai peneraju dalam memberi pendapat dan menjadi penentu trend
- Pemimpin masa hadapan CIDB harus bersedia untuk menerima semua tanggung jawab ini dan memimpin dengan lebih cemerlang

## **Budaya**

- CIDB perlu menjadi organisasi yang responsif dan fleksibel di mana fleksibiliti ini berakar umbi dalam pemikiran warga CIDB
- Apabila setiap warga CIDB mempunyai corak pemikiran yang sama, ia akan menjadi budaya.
- CIDB harus mananamkan pemikiran peneraju untuk memimpin industri pembinaan, bukan sekadar memiliki minda pelaksana

Nilai korporat CIDB perlu mencerminkan aspirasi CSP 2021-2025. Nilai baharu mestilah:

- menyokong inovasi
- membangunkan pendekatan yang fokus kepada penyelesaian
- mempunyai keprihatinan terhadap impak
- dipandu oleh kompas moral




# HALATUJU

5 TAHUN  
CSP

CSP 2021-2025 akan melalui peringkat transformasi selama 5 tahun dari 2021 hingga 2025 di mana impak utama hanya akan dapat dilihat dari tahun 2023 setelah melalui lengkung pembelajaran.

Era CSP dijangka akan bermula dengan aktiviti asas dan menjurus kepada penghasilan beberapa kejayaan pantas secara dalaman dan luaran pada tahun 2022. Hasil berimpak tinggi dijangka akan dijana apabila kita memasuki tahun 2023-2024, dan mencapai kedudukan kepimpinan pada akhir tahun 2025.



Secara makro, peringkat transformasi akan melalui inisiatif dan pencapaian utama berikut:

**2020**

### **Inisiatif Utama**

- Membangunkan keupayaan dalaman
- Bersedia untuk kesinambungan kepimpinan
- Menetapkan keutamaan penyelidikan
- Membangunkan pelan strategik Pengurusan Fasiliti untuk industri
- Mulakan ISP Fasa 1
- Menjalankan penilaian Kesediaan Perubahan awal tahun dan akhir tahun
- Melaksanakan inisiatif Pengurusan Perhubungan

**2021**

### **Pencapaian Utama**

- Pelan Induk Pelaksanaan CR4.0 & Pelan Pelaksanaan Teknologi Pembinaan (CTI)
- Pelan Strategik 10 tahun untuk Industri FM
- Penilaian Kesediaan Perubahan akhir tahun menunjukkan kesediaan
- Rangka Kerja Big Data Analytics

**2022**

### **Inisiatif Utama**

- Kesinambungan kepimpinan
- Mulakan projek perintis untuk pembangunan penyelesaian
- Meneroka teknologi
- Mengenal pasti inisiatif penyelesaian berimpak tinggi
- Merancang penyelidikan jangka panjang
- Menganjurkan penggunaan bahan binaan mampan
- Mengaturkan program untuk menanam budaya inovasi

**2023**

### **Inisiatif Utama**

- Melaksanakan inisiatif penyampaian penyelesaian berimpak tinggi
- Memperluaskan skop teknologi untuk penyelesaian
- Memperluaskan senarai bahan binaan mampan
- Kajian separuh penggal Halatuju CR4.0

### **Pencapaian Utama**

- Peningkatan penyampaian dalam projek berimpak tinggi
- Pengurangan penggunaan bahan tidak mampan

**2024**

### **Inisiatif Utama**

- Pengiktirafan antarabangsa terhadap kepakaran
- Memberi perkhidmatan penyelesaian ke negara lain
- Menawarkan perkhidmatan teras bernilai tambah

### **Pencapaian Utama**


- Mencapai pengiktirafan untuk sekurang-kurangnya satu CoE
- Peningkatan kepuasan pemilik rumah
- Tenaga kerja yang berkebolehan tinggi



# **BAGAIMANA PELAKSANAAN STRATEGI**

*Peta Strategi 2021-2023  
Rumusan Balanced Scorecard  
Objektif & Inisiatif Strategik*

# PETA STRATEGI CIDB




CSP menggunakan kaedah Peta Strategi untuk melakarkan Objektif Strategik 5 tahun sementara Balanced Scorecard menerangkan perincian inisiatif tahun ke tahun yang akan dilaksanakan oleh bahagian/pejabat negeri/anak-anak syarikat CIDB.

Peta Strategi menunjukkan hubungkait, sebab dan akibat antara objektif-objektif strategik yang merangkumi empat (4) perspektif. Rajah di atas menggambarkan setiap perspektif.

Bermula dari bawah, Perspektif Kapasiti Organisasi menjelaskan bahawa warga CIDB, budaya, ICT dan objektif strategik berkaitan kewangan adalah kritikal untuk memastikan kejayaan pelaksanaan objektif dalam Perspektif Proses Dalam.

Perspektif Proses Dalam menerangkan keutamaan aktiviti operasi dalam menyampaikan penyelesaian bermanfaat kepada pelanggan seperti yang dinyatakan dalam Perspektif Pelanggan. Item dalam perspektif ini dikategorikan mengikut 4 tonggak strategi dan asas perkhidmatan operasi.

Perspektif Pelanggan menerangkan hasil, iaitu apa yang harus disampaikan oleh CIDB untuk merealisasikan impak yang diharapkan dalam Perspektif Pihak Berkepentingan, iaitu tiga matlamat jangka panjang CSP 2021-2025. Peta strategi yang lengkap digambarkan di halaman seterusnya.



# RUMUSAN BALANCED SCORECARD 2021

Peta Strategi 5 tahun CIDB diikuti dengan Balanced Scorecard.

Terdapat 3 peringkat scorecard:

- Tier 1 atau peringkat Korporat
- Tier 2 atau peringkat Bahagian
- Tier 3 atau peringkat pejabat negeri dan anak-anak syarikat

Tier 1 merangkumi Objektif Strategik 5 tahun berdasarkan Peta Strategi yang memberi keutamaan kepada inisiatif strategik jangka pendek (2021-2022).

Apabila objektif strategik Tier 1 diturunkan ke Bahagian, ia menghasilkan inisiatif strategik Tier 2.

Sebahagian inisiatif dilaksanakan pada peringkat Tier 3 yang mana secara kolektif mendukung objektif strategik Tier 1 untuk 2021-2022.

Semakan prestasi Balanced Scorecard secara berkala akan menilai hasil setiap inisiatif untuk mengukur pencapaian objektif strategik Tier 1 yang akan menunjukkan sejauh mana CIDB telah beralih ke peringkat CSP seterusnya.

Sebagai permulaan, CSP 2021-2025 telah merangka 17 objektif strategik di Tier 1, yang masing-masing didukung oleh satu set inisiatif strategik seperti yang diringkaskan di bawah bagi mencapai 3 matlamat jangka panjangnya. Maklumat terperinci terdapat di halaman berikutnya, mengikut kumpulan perspektif.

PERSPEKTIF	OBJEKTIF STRATEGIK	KPI JANGKA PENDEK (2021)	INISIATIF STRATEGIK TIER 1	INISIATIF STRATEGIK TIER 2	INISIATIF STRATEGIK TIER 3
PELANGGAN	4	4	5	20	8
PROSES DALAMAN	8	6	7	47	7
Menyampaikan penyelesaian	2	1	1	4	-
Memacu inovasi	3	2	2	7	2
Memperkuuh operasi	1	1	2	32	5
Memperkuuh Pengurusan Perhubungan	1	1	1	1	-
Meneraju penajaran semula	1	1	1	3	-
KAPASITI ORGANISASI	5	5	5	21	1
JUMLAH	17	15	17	88	16

# PERSPEKTIF PELANGGAN



## OBJEKTIF STRATEGIK C1

Menyampaikan penyelesaian, produk dan perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan

### KPI Jangka Pendek

% peningkatan dalam purata skor QLASSIC di seluruh negara

#### Inisiatif Tier 1

- Menetapkan penilaian QLASSIC sebagai syarat pendaftaran kontraktor pada 2021
- Mempertingkatkan penilaian INFRASTAR dan MyCREST

#### Inisiatif Tier 2

- Meningkatkan kapasiti Pangkalan Data berkaitan maklumat pembinaan global untuk rujukan Kementerian, Kedutaan, agensi eksport dan persatuan untuk mempromosikan kemampuan syarikat pembinaan Malaysia di luar negara
- Membangunkan modul pemantauan projek untuk pemain industri bagi mendapatkan maklumat projek pembinaan
- Mewujudkan proses Kenali Pelanggan Anda (KYC) untuk memastikan kesahihan transaksi.
- Membangunkan automasi proses Robotik untuk CIMS
- Merancang sistem telekomunikasi Berpusat CIDB secara Automatik.

#### Penyumbang:

SHEQ, BPKL, BBA, BKK

## OBJEKTIF STRATEGIK C2

Meningkatkan produktiviti syarikat pembinaan

### KPI Jangka Pendek

% peningkatan dalam penggunaan IBS/BIM JP: % peningkatan penggunaan teknologi lain berdasarkan Pelan Induk Pelaksanaan CR4.0

#### Inisiatif Tier 1

Membangunkan Pelan Induk Pelaksanaan Construction 4.0 (CR4.0)

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan Sistem Pengurusan Kontraktor (CMS) untuk pengurusan kualiti dan pensijilan
- Menambahbaik modul Sijil Kecekapan Pengurusan (SKP)
- Membuat penyelidikan dan membangunkan soalan penilaian SCORE bersama dengan pihak industri selari dengan keperluan semasa industri pembinaan bagi tempoh 5 tahun akan datang.
- Program Enrich Kontraktor G1 dan G2

#### Inisiatif Tier 3

- Bersama membangunkan Pelan Induk Pelaksanaan Construction 4.0 (CR4.0)

#### Penyumbang:

BTBI, SHEQ, BPK, CREAM, E-Construct, CIDB IBS

# PERSPEKTIF PELANGGAN



## OBJEKTIF STRATEGIK C3

Melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan dengan kompetensi bernilai tinggi

### KPI Jangka Pendek

% tenaga kerja tempatan yang berkompetensi tinggi

#### Inisiatif Tier 1

- Mempromosi, meningkat, melaksana dan melonjakkan Construction Skills Quality Framework (CSQF) untuk diterima pakai di dalam dan luar negara

#### Inisiatif Tier 2

- Pembangunan standard baharu CICS
- Membangunkan latihan baharu dalam kemahiran kompetensi yang berkaitan dengan kaedah kualiti
- ♦ Membangunkan program peningkatan dan Latihan semula BIM
- ♦ Inisiatif latihan IBS
- ♦ Program Pembangunan Vendor (PPV)
- ♦ Membangun, menyemak dan menaik taraf Standard, Modul Latihan dan Soalan Penilaian
- ♦ Menyediakan Program Kemahiran, Latihan semula dan Peningkatan kemahiran untuk Pengajar dan Penilai
- ♦ Mengakredit dan memperakukan Belia dan Personel binaan sebagai personel yang kompeten melalui Program latihan dan penilaian
- ♦ Menyediakan Program Perantisan Industri Pembinaan

#### Inisiatif Tier 3

- Melaksanakan Inisiatif Tahap 2 bertanda ♦

### Penyumbang:

Sektor Personel Binaan, CIDB Holdings, ABMs, E-Construct, CIDB IBS, CLAB

## OBJEKTIF STRATEGIK C4

Menambahbaik persekitaran kerja untuk pekerja

### KPI Jangka Pendek

% peningkatan dalam purata skor SHASSIC di seluruh negara  
JP: Pengurangan kadar kematian di tapak pembinaan dengan mengguna pakai SHASSIC.

#### Inisiatif Tier 1

- Menyusun strategi untuk mewajibkan SHASSIC bagi G4 dan ke atas

#### Inisiatif Tier 2

- Menambahbaik struktur keseluruhan operasi penguatkuasaan dan meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa

### Penyumbang:

SHEQ, BPGK

# PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



## TEMA : MENYAMPAIKAN PENYELESAIAN

### OBJEKTIF STRATEGIK

Membangunkan kepakaran dalam penyampaian penyelesaian (**P1**)

Membangunkan penyelesaian yang lestari (**P2**)

#### KPI Jangka Pendek

Bilangan projek penyampaian penyelesaian yang dilaksanakan

JP (1): Bilangan pakar dalaman berkaitan penyampaian penyelesaian

JP (2): Bilangan penyelesaian yang berkesan dan berpatutkan digunakan oleh industri

#### Inisiatif Tier 1

- Membangunkan Rumah Contoh Rekabentuk Piawai - Delight, Serene dan MyLOS

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan Alat Pengukuran Produktiviti (PMT) untuk projek binaan
- Membangunkan Teknologi pintar untuk QLASSIC
- Membangunkan kumpulan pakar untuk bahan binaan terpilih
- Mengkaji dan meningkatkan model kompetensi semasa untuk mendukung inovasi & penyampaian penyelesaian

#### Penyumbang:

BTBI, BSBB, BSM

## TEMA : MEMPERKUKUH OPERASI

### OBJEKTIF STRATEGIK P3

Meningkatkan perkhidmatan semasa dengan penanda aras dan teknologi baharu

#### KPI Jangka Pendek

Pencapaian sasaran Pengurusan Fasiliti (FM)-Pelan dan Polisi Strategik 10 tahun)

#### Inisiatif Tier 1

- Membangunkan pelan strategik 10 tahun untuk industri Pengurusan Fasiliti (FM) di Malaysia
- Membangunkan polisi FM yang berkaitan bagi mendukung CR4.0 dan inisiatif big data menggunakan teknologi sebagai platform pemudah cara

#### Inisiatif Tier 2

##### Perkhidmatan untuk pelanggan luaran

- Membangunkan pangkalan data FM mengenai kos hayat keseluruhan (WLC)
- Meningkatkan kompetensi pengamal FM melalui penambahbaikan modul latihan mengikut klasifikasi pendaftaran meliputi kedua-dua sektor bangunan dan penjagaan kesihatan
- Meningkatkan pembangunan kompetensi Personel FM dan keseluruhan sistem akreditasi untuk FM (perancangan jangka panjang)
- Menambahbaik struktur keseluruhan operasi penguatkuasaan dan meningkatkan kompetensi pegawai-pegawai penguatkuasa (7 sub-initiatif)

# PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



- Menguatkuasakan pindaan Jadual 4 (bahan) di bawah Akta 520
- Menjajarkan proses akreditasi dengan Construction Skills Qualifications Framework (CSQF)
- Membangunkan dan menerapkan penyelesaian inovatif yang berkesan ke arah transformasi digital
- Populasi data untuk LCC Soft dan SPMS GIS
- Membangunkan Portal Bersepadu BIM & IBS
- Menambahbaik laman web QLASSIC dan SHASSIC sebagai platform untuk menganalisa Big Data berkaitan kualiti & keselamatan pembinaan
- Menambahbaik sistem sedia ada - CCPM dan ePermit
- Menganalisa keberkesanan Jaminan Pematuhan Kontraktor (CCA)
- Penggunaan Sistem Pengurusan Kompetensi (CMS) -CIMS
- Pemuktamadan dan penggunaan Contractor4U
- Kad pendaftaran CIDB dengan ciri keselamatan yang dikeluarkan untuk semua personel binaan berdaftar
- Membangunkan pelan penambahbaikan untuk proses pendaftaran kontraktor
- Menambahbaik modul latihan kontraktor dengan memasukkan silibus berkaitan Akta 520 dan lain-lain akta industri yang berkaitan bagi meningkatkan integriti dan tanggungjawab kontraktor
- Menyediakan kiosk yang mampu beroperasi 24 jam di setiap cawangan/negeri pejabat CIDB atau menggunakan kemudahan di UTC/RTC untuk kemudahan pelanggan
- Anjurkan ICW 2021 dan seterusnya secara maya (persidangan dan pameran)
- Menggunakan chatbot untuk menjawab pertanyaan asas dan berulang daripada pelanggan di media sosial dan portal web

- Menaiktaraf portal rasmi CIDB dengan notifikasi secara automatik
- Menerbitkan majalah Heights dalam bentuk web/digital
- Penggunaan Facebook secara aktif sebagai landasan komunikasi dengan pihak berkepentingan
- Mengumpul & menganalisa maklum balas pelanggan untuk meningkatkan perkhidmatan pelanggan
- Menganalisa usaha media

## Perkhidmatan untuk antara bahagian dan staf

- Menyediakan ruang kerja yang berkonsep “open office” yang mana staf boleh bekerja di mana-mana ruang di Pejabat CIDB
- Pemantauan dan kawalan penuh daftar risiko
- Menyemak, mengemas kini, berkomunikasi mengekalkan dan menguatkusakan Dasar ICT
- Meningkatkan simpanan Aset ICT dan menyediakan SOP untuk Pengurusan Aset ICT
- Mewujudkan struktur fungsi jangka pendek & jangka sederhana untuk BPM
- Memperoleh Pensijilan ITIL
- Menyediakan infrastruktur yang selamat dan pintar untuk ibu pejabat baharu CIDB
- Memperkasakan Komunikasi Korporat sebagai Pusat Rujukan di CIDB, berkaitan dengan hal-hal perhubungan pihak awam & Media, Krisis Komunikasi, Perkhidmatan Pelanggan, Pengurusan Acara & Protokol, Penerbitan dan Pameran

## Inisiatif Tier 3

- Melaksanakan Inisiatif Tier 2 bertanda ◇

## Penyumbang:

Semua Bahagian di Ibu Pejabat, Pejabat Negeri & Cawangan dan Anak-anak Syarikat

# PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



## TEMA : MEMACU INOVASI

### OBJEKTIF STRATEGIK P4

Membangunkan Pusat Kecemerlangan

#### KPI Jangka Pendek

Pencapaian sasaran CTI

#### Inisiatif Tier 1

- Memperkasakan CREAM menjadi Pusat Kecemerlangan Teknologi Pembinaan

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan Pelan Pelaksanaan Teknologi Pembinaan (CTI) berdasarkan CR4.0

#### Inisiatif Tier 3

- Bersama membangunkan Pelan Pelaksanaan Teknologi Pembinaan (CTI) berdasarkan CR4.0

#### Penyumbang:

BTBI, CREAM

## TEMA : MEMACU INOVASI

### OBJEKTIF STRATEGIK

Meningkatkan kolaborasi penyelidikan (**P5**) dan Menguruskan pengkomersialan inovasi (**P6**)

#### KPI Jangka Pendek

Bilangan kolaborasi penyelidikan berimpak tinggi JP: Bilangan hasil penyelidikan

#### Inisiatif Tier 1

- Menetapkan keutamaan penyelidikan untuk agenda penyampaian penyelesaian yang memberi penekanan kepada Produktiviti, Kualiti, Inovasi

#### Inisiatif Tier 3

- Melaksanakan Inisiatif Tier 1 bertanda

#### Penyumbang:

BTBI, CREAM

#### Inisiatif Tier 2

- Teknologi pintar untuk penilaian QCLASSIC
- Alat Pengukuran Produktiviti IBS (PMT)
- Modul Volumetrik Pra-tuang (PVM)
- National BIM e-Submission (NBeS) untuk PBT
- Alat Pengukuran Produktiviti Tred (TPMT)
- Sistem Pengurusan Tapak Pembinaan SMART

# PERSPEKTIF PROSES DALAMAN



## TEMA : MEMPERKUKUH PENGURUSAN PERHUBUNGAN

### OBJEKTIF STRATEGIK P7

Menguruskan penglibatan pihak berkepentingan ke arah penyampaian penyelesaian

#### KPI Jangka Pendek

Kolaborasi dengan 6 universiti dan pemain industri

#### Inisiatif Tier 1

Program Jangkauan Strategik dengan:

- Pihak Berkuasa Tempatan
- Pengilang
- Kontraktor IBS
- Perunding IBS dan BIM
- Pemaju
- Universiti
- Pemasang
- Persatuan Profesional

#### Inisiatif Tier 2

- Berkolaborasi dengan IPT mengenai silibus akademik yang berkaitan dengan inisiatif kemampunan

#### Penyumbang:

BTBI, SHEQ, BKK

## TEMA : MENERAJU PENJAJARAN SEMULA

### OBJEKTIF STRATEGIK P8

Menguruskan pelaksanaan CSP – (Pengurusan Perubahan dan Pelan Komunikasi)

#### KPI Jangka Pendek

% staf cemerlang dalam penilaian CSP selepas peningkatan kesedaran

JP: Pengukuran keberkesaan pengurusan perubahan

#### Inisiatif Tier 1

- Melaksanakan pelan komunikasi CSP dan penilaian kesediaan terhadap perubahan

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan garis masa projek terperinci untuk pelaksanaan CSP termasuk pelan komunikasi dan skop pengurusan perubahan
- Membangunkan pelan pelaksanaan OACP 2021-2025
- Membangunkan platform / mekanisme pengurusan projek secara berpusat untuk pemantauan & pelaporan prestasi yang berkesan bagi semua pelan / polisi / halatuju

#### Penyumbang:

BSTU, BSM, BKKM

# PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI



## OBJEKTIF STRATEGIK OC1

Membentuk pemimpin masa hadapan

### KPI Jangka Pendek

Model Kompetensi Kepimpinan CIDB dilancarkan

pada tahun 2022

JP: Pemimpin masa hadapan dikenal pasti,  
dilatih dan diperakui

#### Inisiatif Tier 1

- Membangunkan Model Kepimpinan untuk pegawai CIDB bagi mendukung peningkatan kerjaya, seajar dengan Pelan Penggantian dan merealisasikan CSP

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan program kepimpinan staf selari dengan keperluan CSP.
- Menyediakan insentif bagi mendorong staf untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang kepakaran tertentu selaras dengan kemajuan kerjaya & CSP

#### Penyumbang:

BSM

## OBJEKTIF STRATEGIK OC2

Memperluas kompetensi untuk mendukung inovasi & penyampaian penyelesaian

### KPI Jangka Pendek

Mewujudkan kumpulan kemahiran kritikal yang baharu - pintar niaga, kemahiran penyampaian penyelesaian dan menguruskan inovasi

#### Inisiatif Tier 1

- Mengkaji dan meningkatkan model kompetensi semasa untuk mendukung inovasi & penyampaian penyelesaian

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan kumpulan pakar untuk bahan binaan terpilih
- Membangunkan program kepakaran selari dengan keperluan CSP
- Mensiapsiagakan keterampilan anggota dari sudut etika dan kelengkapan yang meningkatkan tahap kemampuan pegawai penguatkuasa

#### Penyumbang:

BSM, BSBB, BPGK

# PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI



## OBJEKTIF STRATEGIK OC3

Memupuk nilai baharu dan budaya yang komited ke arah berprestasi tinggi

### KPI Jangka Pendek

- Kejayaan pelaksanaan program pengurusan perubahan budaya (metodologi pengukuran akan dikenal pasti)

### Inisiatif Tier 1

- Membangunkan program pengurusan perubahan budaya yang mendukung visi dan misi CSP dan CIDB

### Inisiatif Tier 2

- Menggunakan kaedah penilaian myPerformance dari agensi pusat (JPA) untuk mempromosikan budaya berprestasi tinggi dan mencadangkan insentif untuk pencapaian yang tinggi

### Penyumbang:

BKK, BSM

## OBJEKTIF STRATEGIK OC4

Melaksanakan penyelesaian yang berwawasan

### KPI Jangka Pendek

Bilangan model data ramalan yang dihasilkan untuk wawasan strategik

### Inisiatif Tier 1

- ISP Fasa 1: Membangunkan Kerangka Big Data Analytics

### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan Kerangka Big Data Analytics yang melibatkan semua bahagian dan anak syarikat - bermula dengan mengenal pasti peluang-peluang bisnes di CIDB
- Melaksanakan pembangunan analisis perisikan data FM dan menanda aras parameter penting untuk FM
- Membangunkan sistem yang menyediakan data rasional, terukur dan saintifik untuk dianalisa secara terperinci bagi menyokong keputusan kewangan yang ingin dicapai
- Pelaksanaan konsep Pejabat pintar
- Pra-analisis maklumat pendaftaran kontraktor dan projek pembinaan
- Pendigitalan dokumen levi
- Analisis Sumber Manusia (2022)
- Menambahbaik sistem sumber manusia untuk memenuhi keperluan norma persekitaran kerja yang baharu

### Inisiatif Tier 3

- Melaksanakan Inisiatif Tier 2 bertanda ◆

### Penyumbang:

BPKL, BBA, BSM, BKA, BPF, BPM, CREAM

# PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI



## OBJEKTIF STRATEGIK OC5

Kelestarian Kewangan

### KPI Jangka Pendek

% sumber pendapatan baharu

#### Inisiatif Tier 1

- Mewujudkan sumber pendapatan baharu (selain daripada levi)

#### Inisiatif Tier 2

- Membangunkan alat anggaran piawai yang lebih baik dan tersusun, strategik dalam pendekatan/berdasarkan hasil/STRATEX (klasifikasi perbelanjaan strategik)
- Mempromosikan perkhidmatan analisis data dari CONVINCE

- Meningkatkan penjualan buku MyCESMM kepada industri dan institusi pengajian tinggi
- Menjana pendapatan dari aset tetap CIDB
- Memperkenalkan perkhidmatan carian dan pembelian maklumat industri pembinaan secara dalam talian
- Membangunkan pelan bagi meningkatkan kawalan kos untuk projek baharu, mengurangkan sisa & mengawal perbelanjaan
- Menyediakan peruntukan untuk mendukung matlamat dan objektif perniagaan menggunakan interaksi kewangan yang pintar dan telus bagi mencapai keberkesanan kos

#### Penyumbang:

BSTU, BKA, BBA, BPF

# KESIMPULAN

*Struktur Tadbir Urus Csp  
Penutup*

*Definisi Objektif Strategik  
Glosari & Akronim*

# **STRUKTUR**

# **TADBIR URUS CSP**

Perancangan strategi adalah amalan berterusan yang bersifat dinamik. Secara definisi, ia tidak akan sempurna, kerana ia berkaitan dengan perubahan masa hadapan, sesuatu kemahiran yang belum dapat dicapai oleh pemikiran yang paling pintar di dunia. Namun, ini adalah satu aktiviti yang perlu dilakukan oleh pihak pengurusan dan organisasi untuk memikirkan secara kolektif, kerana tanpa perancangan, organisasi tersebut tiada titik rujukan, tiada kerangka kebertanggungjawaban dan tiada panduan untuk menuju ke masa hadapan.

Tadbir urus CSP adalah berkenaan proses membuat keputusan yang baik dan melaksanakannya dengan berkesan serta pengawasan dan pertanggungjawaban yang tepat.

Bagi melahirkan pemimpin masa hadapan, CSP Task Force akan dibentuk dan dipelopori oleh warga belia CIDB yang terpilih.

**JAWATANKUASA PEMANDU CSP**  
Pengerusi: Ketua Eksekutif

Sekretariat

**PASUKAN TERAS PUSAT CSP**  
Pengerusi: PBK SDK

**PASUKAN TERAS BAHAGIAN**  
Ketua: PB + 1  
Pegawai Perhubungan

**CSP TASK FORCE**  
Penasihat: PBK SDK

PERANAN	TANGGUNGJAWAB
<b>Jawatankuasa Pemandu CSP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Mengkaji strategi dan membuat keputusan mengenai isu-isu yang tidak dapat diselesaikan</li> </ul>
<b>Pasukan Teras Pusat CSP</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Melakukan semakan berkala terhadap prestasi scorecard dan menyelaraskan scorecard jika perlu</li> <li>Mengumpul dan menilai idea baharu berkaitan strategi dan berbincang dengan Jawatankuasa Pemandu CSP</li> <li>Mengendalikan Mesyuarat Bulanan.</li> </ul>
<b>Pasukan Teras Bahagian</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Memastikan inisiatif dilaksanakan mengikut rancangan</li> <li>Melaporkan kemajuan scorecard Tier 2 kepada Sekretariat CSP - sertakan data scorecard dari pejabat negeri dan anak syarikat jika berkenaan</li> <li>Seorang Pegawai Perhubungan untuk berhubung dengan Sekretariat CSP</li> </ul>
<b>CSP Task Force</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pasukan pemikir di kalangan belia untuk membincang dan menyumbang idea baharu kepada CSP</li> <li>Pemimpin dipilih di antara mereka dan pertemuan dilakukan mengikut keperluan</li> <li>Penasihat memberikan panduan ketika task force memerlukannya</li> </ul>
<b>Sekretariat CSP (Pejabat Pengurusan Projek)</b>	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bertindak sebagai penghubung antara Bahagian/Pejabat Negeri/Anak Syarikat untuk memastikan inisiatif mendapat sumber yang diperlukan untuk pelaksanaan</li> <li>Menyusun Laporan Prestasi seperti yang dikemukakan oleh Pasukan Teras Bahagian CSP</li> <li>Sekretariat bagi kedua-dua Jawatankuasa Pemandu CSP dan Pasukan Teras Pusat CSP</li> </ul>

# PENUTUP

CSP 2021-2025 bertujuan untuk membawa CIDB ke tahap yang lebih tinggi. Ia akan meletakkan CIDB sebagai peneraju yang akan membentuk industri pembinaan. Ini menandakan titik tolak yang akan memerlukan peralihan bagaimana sesuatu dijalankan di CIDB. Peralihan ini umpama seseorang yang telah berlari jarak jauh yang kini harus mendaki gunung. Peraturan permainan telah berubah. Kemahiran dan kekuatan baharu amat diperlukan.

Aspirasi yang terkandung dalam CSP 2021-2025 juga akan mengubah industri pembinaan untuk menjadikannya lebih peka dari segi sosial dan alam sekitar. Kejayaan dalam melaksanakan CSP 2021-2025 akan membezakan CIDB Malaysia berbanding agensi seumpamanya di dunia. Tetapi perjalanan ini memerlukan perubahan pemikiran. Ia harus menghindari sikap "Jika orang lain tidak melakukannya, mengapa kita pula harus melakukannya?". Warga kerja CIDB seharusnya bertanya tentang cara bagaimana untuk memimpin dan menjadikan CIDB Malaysia sebagai penanda aras bagi agensi seumpamanya di tempat lain. Kejayaan tiada hadnya. Perjalanan CSP 2021-2025 CIDB akan didorong oleh impian dan tekad warganya.

*Kejayaan menanti kita!*



# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**



## **PERSPEKTIF PIHAK BERKEPENTINGAN**



***Impak CSP yang disasarkan dalam tempoh 5 tahun***

### ***S1. Mengurangkan kesan negatif terhadap alam sekitar hasil daripada industri pembinaan***

Objektif ini memerlukan CIDB untuk melihat lebih mendalam dan lebih luas mengenai penggunaan bahan binaan mampan (dan juga tidak mampan), serta kesediaan industri untuk mematuhi piawaian yang dinyatakan dalam ekonomi mampan.

### ***S2. Meningkatkan prestasi industri pembinaan***

Objektif ini menetapkan tujuan kewujudan dan matlamat strategik CIDB secara keseluruhan.

### ***S3. Menyediakan peluang pekerjaan bernilai tinggi untuk warga tempatan***

Projek pembinaan memerlukan ramai buruh, dianggap berbahaya / berisiko dan Malaysia sangat bergantung kepada pekerja asing. Selaras dengan agenda Kerajaan, adalah sangat penting bagi CIDB untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi pekerja tempatan dengan menyusun strategi bagi meningkatkan kompetensi, serta menambahbaik persekitaran kerja yang lebih menarik bagi pekerja tempatan.

# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**



## **PERSPEKTIF PELANGGAN**

**Hasil yang diharapkan untuk disampaikan kepada pelanggan CIDB**

### **C1. Menyampaikan penyelesaian, produk dan perkhidmatan yang berkesan kepada pelanggan**

Dari perspektif klien CIDB, adalah diharapkan CIDB dapat menyediakan penyelesaian terbaik melalui inovasi dan kepakaran teknologi yang merangkumi produk dan perkhidmatan baharu dan juga sedia ada.

### **C2. Meningkatkan produktiviti syarikat pembinaan**

CIDB akan berusaha untuk meningkatkan produktiviti pemain industri dengan menerajui penggunaan alat dan teknologi pembinaan moden serta memanfaatkan produk dan penyelesaian yang inovatif.

### **C3. Melahirkan lebih ramai tenaga kerja tempatan dengan kompetensi bernilai tinggi**

Objektif ini mensasarkan peningkatan yang ketara terhadap penyertaan, kesediaan dan pengekalan rakyat Malaysia dengan kemahiran yang semakin diperlukan. Kompetensi bernilai tinggi dapat dicapai melalui Construction Skills Qualifications Framework (CSQF) yang telah dibangunkan.

### **C4. Menambahbaik persekitaran kerja untuk pekerja**

Objektif ini menggambarkan kesungguhan CIDB untuk memastikan persekitaran kerja (dan tempat tinggal) yang selamat dan sihat untuk personel binaan di tapak bina. CIDB akan membangunkan standard, polisi, prosedur operasi dan penyelesaian yang disesuaikan dengan pendekatan pra-pilihan/proaktif bertujuan untuk mengurangkan dan seterusnya menghapuskan bahaya di tapak bina.

# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**

## **PERSPEKTIF PROSES DALAMAN**



**Apa yang harus diutamakan oleh CIDB untuk cemerlang dalam mencapai hasil dan impak yang disasarkan dalam CSP**

**Tema: Menyampaikan penyelesaian**

**P1. Membangunkan kepakaran dalam penyampaian penyelesaian**

Adalah amat penting bagi CIDB menunjukkan ia mempunyai kemampuan dalaman - pakar penyelesaian - dengan pengetahuan mendalam serta kepakaran dalam mereka bentuk penyelesaian pembinaan dan teknologi akan datang. Selain keupayaan teknologi, tenaga pakar CIDB seharusnya memiliki kefahaman bisnes yang kukuh.

**P2. Membangunkan penyelesaian yang lestari**

Penyelesaian yang lestari merujuk kepada penyelesaian yang mampu mengatasi beban kerja yang meningkat atau bertambah dengan mengekalkan prestasi yang baik. CIDB harus membangunkan penyelesaian lestari yang berdaya tahan dalam jangka masa panjang, berimpak tinggi dan mampu milik untuk memberi kesan kepada pemain industri.

**Tema: Memperkuuh operasi**

**P3. Meningkatkan perkhidmatan semasa dengan penanda aras dan teknologi baharu**

CIDB beraspirasi untuk meningkatkan perkhidmatan sedia ada termasuk perkhidmatan dalam bidang baharu setara dengan agensi seumpamanya yang bertaraf dunia dengan menggunakan teknologi yang akan memberi manfaat kepada pelanggan. Scorecard Tahap-2 perlu mempunyai objektif khusus berkaitan perkhidmatan sedia ada dan bidang baharu yang merangkumi bidang pengurusan fasiliti (FM).

# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**

## **PERSPEKTIF PROSES DALAMAN**



**Tema: Memacu inovasi**

**P4. Membangunkan Pusat Kecemerlangan**

Pusat Kecemerlangan (CoE) adalah pusat yang menjalankan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan serta perundingan kepada industri dan masyarakat. Visi baharu CIDB sebagai peneraju industri memerlukan CIDB untuk memperkasakan CoE (s) yang dapat menyelesaikan masalah industri dengan cara yang berimpak tinggi.

**P5. Meningkatkan kolaborasi penyelidikan**

Menyelaraskan penyelidikan yang menfokuskan teknologi dan inovasi bagi menyelesaikan masalah pihak berkepentingan. Sebahagian daripada penyelidikan adalah melalui kolaborasi dengan institusi penyelidikan yang terkemuka dalam membangunkan produk, terutama yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan.

**P6. Menguruskan pengkomersialan inovasi**

Kolaborasi penyelidikan perlu menfokuskan teknologi yang sedia dipasarkan iaitu teknologi yang telah mencapai tahap Proof of Concept (POC) atau mempunyai prototaip serta R&D jangka masa panjang. Polisi Harta Intelek (IP) perlu dibangunkan untuk menentukan bagaimana hasil hak IP diuruskan.

**Tema: Memperkuuh Pengurusan Perhubungan**

**P7. Menguruskan penglibatan pihak berkepentingan ke arah penyampaian penyelesaian**

Kemampuan untuk menentukan penyelesaian yang diperlukan pihak berkepentingan bergantung kepada penglibatan yang boleh menghasilkan penyelesaian.

**Tema: Meneraju penajaran semula**

**P8. Menguruskan pelaksanaan CSP - Pengurusan Perubahan dan Pelan Komunikasi**

Usaha untuk merealisasikan matlamat CSP bergantung kepada pemimpin yang berupaya menerajui pelaksanaan CSP dan memupuk halatuju bersama. CIDB perlu menunjukkan komitmen yang jelas dalam melaksanakan CSP dengan mengkaji semula amalan dan polisi semasa seterusnya membangunkan pengurusan perubahan dan pelan komunikasi untuk memastikan pelaksanaan CSP yang berterusan.

# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**

## **PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI**

**Sumber Manusia CIDB**



### **OC1. Membentuk pemimpin masa hadapan**

CIDB perlu membangunkan Model Kompetensi Kepimpinan dan mempercepatkan Program Pembangunan Kepimpinan untuk mewujudkan barisan pemimpin yang lebih kuat agar dapat meneraju industri pembinaan dengan berkesan bagi mengelakkan kepincangan pelaksanaan CSP.

### **OC2. Memperluas kompetensi untuk mendukung inovasi & penyampaian penyelesaian**

CIDB perlu meningkatkan kompetensi sedia ada untuk mendukung pencapaian strategik melalui penekanan kepada pembangunan pintar niaga, kemahiran penyampaian penyelesaian dan pengurusan inovasi. CIDB juga perlu memperkayakan metodologi latihannya untuk menyediakan sesi pembelajaran yang signifikan dan berimpak tinggi.

### **OC3. Memupuk nilai baharu dan budaya yang komited ke arah berprestasi tinggi**

CIDB perlu memupuk nilai-nilai teras baharu :

1. Keterbukaan dan saling menghormati – Mewujudkan persekitaran yang saling menghargai kepelbagaian pendapat secara bebas tanpa mengira status atau hierarki;
2. Bekerjasama untuk berinovasi – Memupuk kreativiti, kolaborasi dan kesediaan untuk menyesuaikan diri dan melaksanakan idea tanpa dihalang oleh hierarki dan birokrasi
3. Memimpin dengan penuh kesedaran – Matlamat menjadi motivasi utama dan amalan pemimpin dipandu oleh kompas moral. Sentiasa mementingkan manfaat bagi kebaikan menyeluruh serta tekun dan teliti dalam menjalankan kerja
4. Berfokuskan Impak – Mengenal pasti pemacu prestasi untuk menghasilkan aktiviti dan solusi yang berimpak serta mempunyai peningkatan yang ketara.

Nilai teras baharu yang dirancang untuk menambahbaik budaya dan sikap organisasi yang diperlukan untuk mendukung kreativiti dan inovasi.

# **DEFINISI OBJEKTIF STRATEGIK**

## **PERSPEKTIF KAPASITI ORGANISASI**

**ICT & Sumber Kewangan**



### **OC4. Melaksanakan penyelesaian yang berwawasan**

Objektif ini berkaitan dengan Teras Strategik 6 ISP CIDB serta visi ISP untuk mendorong ke arah Organisasi yang dipacu oleh wawasan. Pelaksanaan pembinaan 4.0 akan menghasilkan banyak data yang memerlukan pemprosesan dan analisa bagi mengeluarkan laporan yang terperinci. Pada September 2020, CIDB telah melancarkan “Construction Information for Your Convenience” (CONVINCE), portal sehenti untuk semua maklumat berkaitan pembinaan. Ini dapat dilihat sebagai langkah pertama untuk mentransformasi CIDB menjadi organisasi yang berpanduan wawasan (IDO).

### **OC5. Kelestarian Kewangan**

CIDB telah menyusun pelbagai rancangan untuk mentransformasi dan mencipta lebih nilai untuk pelanggan dan pihak berkepentingannya. Untuk menghasilkan perubahan yang ketara, CIDB perlu beroperasi berlandaskan kewangan yang kukuh. Keseimbangan terletak pada kepelbagaian pendapatan dan pengurusan kos yang berkesan. Objektif ini diwujudkan untuk mencapai hasrat tersebut – untuk menerapkan akauntabiliti kewangan dengan menetapkan dengan jelas unit-unit di CIDB sebagai pusat kos atau pusat hasil.

# **GLOSARI & AKRONIM**

<b>Analisis SWOT</b>	SWOT bermaksud Kekuatan, Kelemahan, Peluang, dan Ancaman. Analisis SWOT adalah sebahagian teknik yang digunakan pada peringkat analisa situasi.
<b>Balanced Scorecard</b>	Balanced scorecard (BSC) adalah sistem perancangan dan pengurusan strategik. Organisasi menggunakan BSC untuk: <ul style="list-style-type: none"><li>• Menyampaikan apa yang ingin dicapai</li><li>• Menyelaraskan kerja sehari-hari secara strategik</li><li>• Mengutamakan projek, produk, dan perkhidmatan</li><li>• Mengukur dan memantau kemajuan ke arah objektif strategik</li></ul>
<b>BAR</b>	Bahagian Audit dan Risiko
<b>BIM</b>	Building Information Modelling
<b>BTBI</b>	Bahagian Teknologi Binaan dan Inovasi
<b>BSBB</b>	Bahagian Standard dan Bahan Binaan
<b>BPPB</b>	Bahagian Pendaftaran Personnel Binaan
<b>BPKK</b>	Bahagian Pembangunan Kompetensi Kemahiran
<b>BKPP</b>	Bahagian Kompetensi Pengurusan dan Penyeliaan
<b>BPL</b>	Bahagian Pentauliahan Latihan
<b>BPKL</b>	Bahagian Pendaftaran Kontraktor dan Levi
<b>BPK</b>	Bahagian Pembangunan Kontraktor
<b>BPGK</b>	Bahagian Penguatkuasaan
<b>BBA</b>	Bahagian Bisnes dan Antarabangsa
<b>BKK</b>	Bahagian Komunikasi Korporat
<b>BSTU</b>	Bahagian Strategi dan Tadbir Urus
<b>BSM</b>	Bahagian Sumber Manusia
<b>BKA</b>	Bahagian Kewangan dan Akaun
<b>BPM</b>	Bahagian Pengurusan Maklumat
<b>BPF</b>	Bahagian Pengurusan Fasiliti
<b>Cascading</b>	<b>Cascading</b> balanced scorecard bermaksud menterjemahkan scorecard Korporat CIDB sebagai sebuah organisasi (dirujuk sebagai Tier 1) kepada scorecard Bahagian (Tier 2) dan seterusnya kepada pejabat negeri/cawangan dan anak-anak syarikat (Tier 3).
<b>CIDB</b>	Construction Industry Development Board

# GLOSARI & AKRONIM

<b>CLAB</b>	Construction Labour Exchange Centre Berhad
<b>CSP</b>	CIDB Strategic Plan
<b>CSQF</b>	Construction Skills Quality Framework
<b>CITP</b>	Construction Industry Transformation Program
<b>CR4.0</b>	Construction Revolution 4.0
<b>COE</b>	Pusat Kecemerlangan adalah pusat yang menjalankan aktiviti penyelidikan untuk meningkatkan tahap dan kualiti perkhidmatan dan perundingan kepada industri dan masyarakat.
<b>CREAM</b>	Construction Research Institute of Malaysia
<b>CTI</b>	Construction Technology Implementation
<b>Futures Triangle</b>	<p>Futures Triangle adalah alat mudah yang dibangunkan oleh Sohail Inayatullah untuk melakar masa lalu, masa kini dan masa hadapan bagi membantu meneroka peluang-peluang masa hadapan.</p> <p>Futures Triangle membolehkan kita memahami kekuatan yang mempengaruhi dan membentuk CIDB:</p> <ul style="list-style-type: none"><li>• Faktor tolakan – dorongan untuk berubah: perubahan apa yang diperlukan untuk menyesuaikan diri? Apakah jangkaan, jurang dan keperluan untuk kita bertindak balas?</li><li>• Faktor tarikan – potensi CIDB: Apakah keadaan masa hadapan yang ingin dicapai dan bagaimana kita merealisasikannya secara kolektif?</li><li>• Pemberat – halangan terhadap aspirasi CSP 2021-2025: Apakah rintangan yang menyukarkan pencapaian kemajuan menuju masa hadapan yang disasarkan?</li></ul>
<b>IBS</b>	Industrialized Building System
<b>INFRASTAR</b>	Sustainable Infrastructure Rating Tool
<b>Inisiatif Strategik</b>	Inisiatif Strategik adalah projek (baharu atau sedia ada) yang dirancang untuk membantu CIDB mencapai Objektif Strategik dan mempunyai impak yang signifikan kepada organisasi. Ia dikendalikan secara formal seperti projek lain dengan menyatakan secara jelas pemilik, jadual, sumber yang diperlukan, tindakan, kemajuan, dan pencapaian yang disasarkan. Sesetengah Inisiatif Strategik boleh dicapai dalam jangka pendek (hanya memerlukan beberapa bulan) sementara yang lain memerlukan masa yang lebih panjang.
<b>ISP</b>	ICT Strategic Planning
<b>Model kompetensi kepimpinan</b>	Model kompetensi kepimpinan adalah kerangka berstruktur untuk menentu dan membangunkan sikap yang mempunyai pengaruh besar terhadap prestasi organisasi.

# **GLOSARI & AKRONIM**

<b>MyCREST</b>	Malaysian Carbon Reduction and Environmental Sustainability Tool
<b>Objektif Strategik</b>	Grafik ringkas yang menunjukkan hubungkait logik, sebab dan akibat antara objektif-objektif strategik.
<b>Peta Strategi</b>	Matlamat strategi yang dapat diukur dengan menguraikan konsep abstrak seperti misi dan visi menjadi langkah yang boleh diambil tindakan.
<b>PMT</b>	Productivity Measurement Tool
<b>PUU</b>	Pejabat Undang-undang
<b>QLASSIC</b>	Quality Assessment System in Construction
<b>SHASSIC</b>	Safety and Health Assessment System In Construction
<b>SHEQ</b>	Bahagian Safety, Health, Environment, Quality (SHEQ)
<b>Ukuran Prestasi (Petunjuk Prestasi Utama (KPI))</b>	Untuk setiap objektif pada peta strategi, sekurang-kurangnya satu ukuran atau Petunjuk Prestasi Utama (KPI) akan dikenal pasti dan diukur dari masa ke masa. KPI menunjukkan kemajuan ke arah hasil yang diinginkan.



**CIDB**   
MALAYSIA

Lembaga Pembangunan Industri Malaysia